

NOTIS TENDER

Suruhanjaya Tenaga berhasrat mempelawa syarikat yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar di Malaysia bagi menyertai Tender berikut:

TAJUK DAN NO TENDER	TAKLIMAT	PEMBELIAN & EDARAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH/MASA TUTUP TENDER DAN LOKASI SERAHAN DOKUMEN
<p>PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK, MEMBANGUN, MENGONFIGURASI, MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENINGTEGRASI, MIGRASI DATA, MELATIH, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM DIGITAL SURUHANJAYA TENAGA (ST)</p> <p>No. Tender: ST/PRL/T/01/2026</p>	<p>Tarikh: 8 Jun 2026 (Isnin)</p> <p>Masa: 3:00 petang</p> <p>Lokasi: Suruhanjaya Tenaga No 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2,62100 Putrajaya</p> <p>Nota: Bagi syarikat yang berminat untuk menghadiri taklimat tender, sila kemukakan butiran syarikat dan wakil yang akan menghadiri melalui e-mel seperti yang dinyatakan di bawah.</p>	<p>Tarikh: 9 Jun 2026 (Selasa) hingga 15 Jun 2026 (Isnin)</p> <p>Masa: 8.30 pagi hingga 5.00 petang.</p>	<p>RM200.00 / dokumen</p>	<p>Tarikh: 29 Jun 2026 (Isnin)</p> <p>Masa: 12.00 tengahari</p> <p>Lokasi Serahan: Suruhanjaya Tenaga Tingkat 6, No 12, Jalan Tun Hussein Presint 2, 62100 Putrajaya</p>

Kriteria Mandatori Syarikat

- Syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih sah;
- Syarikat berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** yang masih sah dan syarikat hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai salah satu daripada kod bidang berikut : **210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106, 210107 atau 210108.**
- Syarikat mempunyai **modal berbayar (Paid-up Capital)** sekurang-kurangnya **RM1,000,000.00**;
- Pematuhan kepada Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certification);
- Syarikat mempunyai pengalaman dalam pembangunan dan/atau telah menyiapkan sekurang-kurangnya **dua (2) projek pembangunan sistem bersepadu** atau yang seumpamanya dalam tempoh enam (6) tahun ke belakang, iaitu dari tahun 2020 hingga 2025.
- Wakil Syarikat **WAJIB** hadir taklimat pada tarikh yang ditetapkan.

- Syarat-syarat, arahan serta maklumat lanjut berkenaan pelawaan ini diperincikan di dalam Dokumen Tender yang boleh diperolehi daripada Unit Perolehan melalui e-mel, bermula pada **9 Jun 2026 hingga 15 Jun 2026**, dari jam **8.30 pagi hingga 5.00 petang**.
- Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini hendaklah mengemukakan permohonan pembelian Dokumen Tender melalui e-mel dengan menyertakan dokumen sokongan berikut:
 - Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang lengkap (termasuk *summary of financial information*);
 - Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang lengkap;
 - Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certification);

Maklumat bank bagi tujuan pembayaran akan diberikan kepada syarikat melalui e-mel selepas permohonan disemak dan disahkan.

- Segala kos yang berkaitan dengan penyertaan tawaran tender ini adalah di bawah tanggungjawab syarikat pemohon. Bayaran bagi Dokumen Tender hendaklah dibuat secara dalam talian sahaja, dan resit pembayaran hendaklah dikemukakan melalui e-mel. Dokumen Tender akan diberikan dalam format PDF melalui e-mel setelah pengesahan bayaran diterima daripada Seksyen Kewangan, Suruhanjaya Tenaga.
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**
 - Nabeela Mohamad Pesal di talian 03-88708733 / nabeela@st.gov.my
 - Afiq Anol di talian 03-88708659 / afiq@st.gov.my